



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	4 October 2015

BH-4/10/2015

Khalid sangkal FBI siasat Najib, 1MDB

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyangkal dakwaan bahawa Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat menjalankan siasatan terhadap 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata pihaknya tidak pernah menerima sebarang maklumat daripada biro berkenaan untuk menyiasat 1MDB dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"PDRM tidak pernah dimaklumkan oleh FBI bahawa mereka sudah memulakan siasatan ke atas 1MDB dan Perdana Menteri.

"Malah, agensi terbabit itu juga tidak memohon untuk mendapatkan sebarang bantuan daripada PDRM berhubung perkara sama," katanya menerusi satu kenyataan media, malam tadi.

Khalid berkata, mana-mana pihak yang ingin mendapatkan pengesahan berkaitan perkara itu supaya berhubung terus dengan pihak FBI di Washington.